



POLITEKNIK SEBERANG PERAI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JALAN PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG
MALAYSIA



Tel: 04-538 3322
Faks: 04-538 9266
Laman Web: www.psp.edu.my
Facebook: Politeknik Seberang Perai

Ruj. Kami : PSP/HEP/80/03/1 JLD.14 ()
Tarikh : 09 Februari 2023

Semua Bakal Pelajar Baharu Tawaran Susulan

Politeknik Seberang Perai
Pulau Pinang

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (TAWARAN SUSULAN) BAGI SESI II 2022/2023 DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Tahniah diucapkan kerana berjaya ditawarkan ke **Politeknik Seberang Perai (PSP)**, Pulau Pinang. Bakal **Pelajar Baharu Tawaran Susulan Sesi II 2022/2023** dikehendaki melapor diri seperti berikut:

- Tarikh** : 13 Februari 2023 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tempat : Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP),
Bangunan Pentadbiran
Politeknik Seberang Perai
- Pakaian** : Lelaki
- Baju kemeja tangan panjang/pendek (warna cerah)
 - Seluar *slack* berwarna gelap
 - Kasut yang bertutup dan berstoking
- Perempuan
- Baju kurung/jubah/*blouse* (pakaian yang sopan dan menutup aurat)
 - Seluar *slack/skirt* labuh (berwarna gelap)
 - Kasut yang bertutup dan berstoking

2. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar baharu yang bakal menetap di asrama dimohon untuk mematuhi peraturan-peraturan seperti **Lampiran** yang disertakan bersama.

3. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pendaftaran, sila emelkan kepada jhep@psp.edu.my atau hubungi 04-5383322 di sambungan 1008/1009/5110 atau di talian *WhatsApp Hotline* JHEP 010-869 1800 (teks sahaja)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. DR ZULHADI BIN ZAKARIA)

Timbalan Pengarah Akademik
b.p Pengarah
Politeknik Seberang Perai
Pulau Pinang



PERATURAN AM KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI

A) LARANGAN MEMASAK DI DALAM BILIK KEDIAMAN

1. Penghuni Kolej Kediaman **DILARANG** memasak.
2. Penghuni **DILARANG** menggunakan pemanas air (*immersion heater*). Air panas boleh diperolehi dari 'Mesin RO' atau "water dispenser" yang telah disediakan di pantri setiap blok kediaman.
3. Hanya bahan-bahan makanan yang halal di sisi Agama Islam sahaja dibenarkan dibawa masuk ke kawasan Kolej Kediaman Pelajar.
4. Penghuni **DILARANG** menggunakan bilik Kolej Kediaman Pelajar sebagai tempat makan makanan yang mengotorkan bilik atau yang menyebabkan kerosakan salur air dan elektrik, dan juga yang menimbulkan bau yang kurang menyenangkan penghuni lain.

B) PERATURAN MENERIMA TETAMU

1. Tetamu penghuni Kolej Kediaman Pelajar hendaklah dilayan di kafeteria atau di tempat yang disediakan.
2. Pelawat yang bukan pelajar politeknik dikehendaki mengambil pas pelawat yang boleh diperolehi di Pondok Pengawal Keselamatan semasa memasuki kawasan politeknik.
3. Masa melawat adalah seperti berikut:-

Hari Kuliah	-	4.00 petang hingga 7.00 malam
Cuti Hujung Minggu/Umum	-	8.00 pagi hingga 7.00 malam

C) PERATURAN BERPAKAIAN

1. Setiap penghuni yang masuk ke kafeteria hendaklah berpakaian kemas dan sesuai. Pakaian sukan (seluar pendek) yang lusuh dan berpeluh, pakaian tidur atau baju singlet **TIDAK DIBENARKAN** di dalam kafeteria.
2. Pakaian **TIDAK BOLEH** disangkut pada tingkap atau tempat-tempat lain melainkan pada ampaian yang disediakan.
3. Pakaian hendaklah disimpan dalam almari yang disediakan.

4. Penghuni yang hendak menggosok pakaian hendaklah berbuat demikian di tempat yang telah dikhaskan.
5. Setiap penghuni adalah dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan tidak menjolok mata pada setiap masa di kawasan Kolej Kediaman Pelajar.
6. Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlungan atau pakaian yang bertulis kata-kata hina, logo parti politik atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran **TIDAK DIBENARKAN**.
7. Rambut hendaklah sentiasa kemas. Rambut yang mengembang dan beraneka fesyen **TIDAK DIBENARKAN**.
8. Pelajar perempuan **TIDAK DIGALAKKAN** memakai barangan kemas berlebihan.
9. Pelajar lelaki **DILARANG** memakai sebarang perhiasan diri.

D) LARANGAN MEMELIHARA BINATANG

1. Penghuni **DILARANG** memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau kawasan Kolej Kediaman Pelajar.

E) IKLAN, NOTIS, MAKLUMAN, RISALAH DAN LAIN-LAIN

1. Iklan dan notis hanya boleh ditampal dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya dan ditampal di papan notis yang disediakan sahaja.
2. Semua iklan dan notis yang ditampal hendaklah ditanggalkan semula setelah tamat tempoh pemberitahuan.
3. Semua poster atau hiasan dinding bilik **TIDAK BOLEH** menggunakan paku kecuali alat penyangkut gambar atau "*poster hanger*" yang sesuai yang mana gamnya tidak merosakkan dinding.
4. Penghuni **DILARANG** mengotorkan dinding atau mana-mana bahagian bangunan Kolej Kediaman Pelajar dengan apa cara sekalipun.

F) KESELAMATAN HARTA BENDA

1. Untuk mengelakkan kecurian, penghuni hendaklah memastikan biliknya sentiasa dikunci.
2. Penghuni **TIDAK DIGALAKKAN** menyimpan wang yang berlebihan dan barangan berharga di dalam bilik.
3. Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri.
4. Kes kecurian hendaklah dilaporkan segera kepada *warden* / felo.

G) BILIK MANDI DAN BILIK BASUH

1. Penghuni Kolej Kediaman Pelajar adalah bertanggungjawab secara berkumpulan ke atas kebersihan bilik mandi dan bilik basuh pelajar serta laluan aras masing-masing dan memastikan kebersihannya dijaga.
2. Pembaziran adalah ditegah dan penghuni hendaklah mempunyai rasa bertanggungjawab ke atas penggunaan air dan elektrik. Segala kerosakan atau kebocoran hendaklah dilaporkan segera kepada Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar.
3. Penghuni Kolej Kediaman Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** membuang sampah atau sebarang jenis bahan asing ke dalam tandas. Penghuni aras akan dipertanggungjawabkan ke atas kes-kes tersumbat yang disebabkan oleh kecuaiian atau salahguna oleh penghuni aras berkenaan.

H) KAWASAN LARANGAN

1. Kawasan blok kediaman pelajar perempuan adalah **KAWASAN LARANGAN** kepada pelajar atau pelawat lelaki dan sebaliknya.
2. Sebarang bentuk perbincangan yang berhubung dengan hal-hal akademik atau aktiviti kokurikulum di antara pelajar lelaki dan perempuan secara berkumpulan perlu dibuat dalam keadaan yang sopan di kafeteria/mana-mana tempat yang disediakan sahaja sehingga jam 11.00 malam.
3. Pelajar-pelajar **TIDAK DIBENARKAN** naik ke mana-mana kawasan bumbung Kolej Kediaman Pelajar atau masuk mana-mana bilik pengagihan elektrik atau mana-mana bilik yang diisytihar atau ditanda sebagai **KAWASAN LARANGAN** tanpa kebenaran Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar.
4. Kawasan pentadbiran dan akademik adalah **KAWASAN LARANGAN** mulai jam 7.00 malam kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
5. Kawasan kafeteria yang meliputi kaunter, dapur, bilik penginapan kakitangan kafeteria adalah **KAWASAN LARANGAN** bagi semua pelajar.

I) SOLAT

1. Pelajar Muslim digalakkan menunaikan solat fardhu secara berjemaah di Pusat Islam Politeknik setiap hari.
2. Khusus untuk bulan Ramadhan, semua pelajar Muslim digalakkan menunaikan solat terawih secara berjemaah di Pusat Islam Politeknik.

J) RIADAH

1. Semua kegiatan sukan hendaklah bermula selepas waktu Asar dan hendaklah berakhir 15 minit sebelum waktu Maghrib.
2. Pakaian pada waktu riadah hendaklah bersesuaian dan tidak menjolok mata.
3. Aktiviti sukan hanya boleh dijalankan di dalam kawasan yang ditetapkan.

K) PERATURAN MENGOSONGKAN BILIK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

1. Penghuni hendaklah mengosongkan biliknya apabila diarah, pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak Politeknik.
2. Sebelum keluar, bilik hendaklah dibersihkan terlebih dahulu oleh penghuninya. Sekiranya berlaku kerosakan, kekotoran, pencemaran atau kehilangan peralatan serta kemudahannya, penghuni akan diminta membayar gantirugi.
3. Penghuni hendaklah memindahkan kesemua barang miliknya dari bilik. Sebarang peralatan dan barang-barang yang ditinggalkan disifatkan sebagai tidak diperlukan dan pihak Pejabat Kolej Kediaman Pelajar boleh membuangnya.
4. Penghuni hendaklah menutup lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
5. Kunci hendaklah diserahkan sendiri ke Pejabat Kolej Kediaman Pelajar selewat-lewatnya pada hari terakhir mengosongkan atau notis pengosongan bilik pada waktu pejabat. Kegagalan berbuat demikian, akan menyebabkan keputusan peperiksaan akhir ditahan.

L) PERATURAN KELUAR MASUK HARIAN, Hujung Minggu dan Cuti Umum

1. Penghuni kolej kediaman **DIBENARKAN** keluar dari kawasan kampus politeknik atas urusan harian dan dikehendaki masuk semula ke kolej kediaman tidak lewat dari jam 7.00 malam pada hari yang sama (Isnin – Jumaat) dan pada hujung minggu dan cuti umum **DIBENARKAN** masuk semula ke kolej kediaman sebelum jam 11.00 malam.
2. Penghuni kolej kediaman **TIDAK DIBENARKAN** bermalam di luar kolej kediaman kecuali mendapat kebenaran daripada Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa oleh pengarah. (Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Felo/Warden dan Pengurus Asrama) pada hari bekerja (Isnin – Jumaat).
3. Penghuni kolej kediaman yang bermalam di luar kampus pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki masuk semula ke kampus tidak lewat dari jam 11.00 malam hari terakhir cuti.

4. Penghuni kolej kediaman **DIBENARKAN** menerima pelawat mulai jam 4.00 petang hingga jam 7.00 malam pada hari kuliah dan mulai 8.00 pagi hingga 7.00 malam pada hujung minggu/cuti umum.
5. Penghuni kolej kediaman hanya **DIBENARKAN** bertemu pelawat di kafeteria sahaja

M) LAIN-LAIN PERATURAN

1. Penghuni Kolej Kediaman **DIBENARKAN** membawa kipas angin, seterika (boleh digunakan di ruang gosok yang telah disediakan) dan plug penyambung yang diluluskan oleh sirim.
2. Penghuni Kolej Kediaman **TIDAK DIBENARKAN** membawa *pemanas* air dan alat elektik yang lain.
3. Penghuni Kolej Kediaman **TIDAK DIBENARKAN** membawa kenderaan ke Politeknik.

Berkuatkuasa 20 Januari 2023